



# LINTEC

LAPORAN CSR 2019



*Linking your dreams*

**LINTEC Corporation**

## Moto Syarikat

# Keikhlasan dan Kreativiti

Moto syarikat Kumpulan LINTEC yang merupakan asas kepada CSR ialah 'Keikhlasan dan Kreativiti'. Bagi kami, nilai-nilai ialah, "Keadaan yang harus ada".

"Keikhlasan" bererti memikirkan apa yang dapat dilakukan yang boleh menguntungkan dan dihargai, dengan menjalankan setiap tugas dengan sepenuh hati.

"Kreativiti" bererti sentiasa bekerja demi membuat pembaharuan dan menjadikannya lebih baik lagi dengan mencari nilai tambahan yang lebih besar tanpa berasa puas hati dengan status quo (keadaan seadanya).

Bersikap tulus terhadap semua pemegang syer dan bertindak menghadapi cabaran-cabaran baru berulang kali dengan tekad untuk membuat pembaharuan merupakan detik permulaan bagi syarikat berteraskan "monozukuri".

Segalanya bermula dengan "keikhlasan" yang kemudiannya berkait dengan "kreativiti".

Demikian ialah pegangan LINTEC kekal utuh yang menjadi daya penggerak yang menguatkan pertumbuhan berterusan.



## LINTEC WAY

Nilai penting pendukung moto syarikat

### 5 cara memupuk Keikhlasan

- 1 Sentiasa bersikap jujur
- 2 Ketulusan penghubung hati
- 3 Bersama mencipta kegembiraan
- 4 Menjadi orang yang memberi
- 5 Menghargai keluarga dan rakan

### 5 cara memupuk Kreativiti

- 1 Kekal tabah hingga Berjaya
- 2 Berbangga dengan keunikan
- 3 Fleksibel dengan perubahan
- 4 Berfikir dari sudut pandangan bumi
- 5 Mengaitkan dengan segala kemungkinan

# Apakah itu Kumpulan LINTEC?

Bagi merealisasikan moto syarikat 'keikhlasan dan kreativiti', Kumpulan LINTEC sedang memajukan empat teknologi asas dengan berasaskan "LINTEC WAY" dan "Garis Panduan Pematuhan Kumpulan LINTEC", serta menghasilkan nilai yang baru.


Menerusi usaha-usaha bagi "Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan [LIP (LINTEC INNOVATION PLAN) - 2019]", serta "Materialiti (Isu Penting)" yang menghasilkan nilai ekonomi, kami menyasarkan pembangunan masyarakat yang mampan.



## Ringkasan Kumpulan LINTEC

# Rangkaian global yang menyokong kegiatan

Semua pekerja Kumpulan LINTEC menjalankan pelbagai kegiatan CSR sebagai respons kepada suara para pemegang kepentingan dan untuk merealisasikan syarikat yang lebih baik.



## Ringkasan syarikat (pada 31 Mac 2019)

<b>Nama syarikat</b>	LINTEC Sdn. Bhd	<b>Pejabat</b>	Pusat perniagaan: Tokyo, Sapporo, Sendai, Hokuriku (wilayah Toyama), Shizuoka, Nagoya, Osaka, Hiroshima, Shikoku (wilayah Ehime), Fukuoka, Kumamoto
<b>Alamat semasa ibu syarikat</b>	23-23 Honmachi, Itabashi-ku, Tokyo 173-0001		Pusat pengeluaran: Azuma (wilayah Gunma), Kumagaya, Ina (wilayah Saitama), Chiba (wilayah Chiba), Tatsuno, Shingu (wilayah Hyogo), Mishima, Doi, Niihama (wilayah Ehime), Komatsushima (wilayah Tokushima)
<b>Laman web</b>	<a href="http://www.lintec-global.com/">http://www.lintec-global.com/</a>		Lokasi penyelidikan dan pembangunan: Lokasi penyelidikan (Saitama)
<b>Penubuhan syarikat</b>	Oktober 1934	<b>Skop perniagaan</b>	Penciptaan, pengeluaran dan penjualan bahan perekat ('seal' perekat dan kertas label, filem perekat, filem 'marking', filem tingkap, pita semikonduktor, filem kegunaan optik dan lain-lain), bahan kertas khas (kertas sampul berwarna, kertas lukisan berwarna, kertas kegunaan khusus dan lain-lain), bahan diproses (kertas pemisah, filem pemisah, kertas 'casting' untuk kulit sintetik, kertas untuk fiber karbon dan lain-lain), mesin untuk perekat (mesin label, alatan semikonduktor dan lain-lain)
<b>Stok kapital</b>	23.2 bilion Yen	<b>Jualan (tahun fiskal 2018)</b>	Kolektif syarikat: 250.9 bilion yen Ibu syarikat sahaja: 168.6 bilion yen
<b>Senarai pasaran saham</b>	Tokyo Stock Exchange First Section (kod saham: 7966)	<b>Keuntungan (tahun fiskal 2018)</b>	Kolektif syarikat: 18 bilion yen Ibu syarikat sahaja: 9.3 bilion yen
<b>Tahun fiskal</b>	Dari 1 April hingga 31 Mac setiap tahun		
<b>Wakil</b>	Pengarah Wakil, Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi Hiroyuki Nishio		
<b>Jumlah pekerja</b>	Kolektif syarikat: 4,888 orang Ibu syarikat sahaja: 2,573 orang		



Semua pekerja kami  
menjalankan aktiviti CSR  
dengan kesedaran masalah  
dan berteraskan prinsip  
“Keikhlasan dan Kreativiti”

Hiroyuki Nishio  
Pengarah Wakil, Presiden,  
Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi  
LINTEC Corporation

### **Meneruskan Perkembangan Bisnes yang Lancar Melalui Penguatan Pentadbiran dan Penyusunan Semula Perniagaan**

LINTEC Corporation – yang berpegang pada prinsip “Keikhlasan dan Kreativiti”, dan menggunakan perkataan ‘linkage’ (percantuman) serta ‘technology’ (teknologi) sebagai asal-usul nama syarikat – telah berusaha menggabungkan teknologi aplikasi perekat, teknologi

modifikasi permukaan, teknologi sistemasi, dan juga bahan kertas khas serta teknologi bahan pemisah ke dimensi yang lebih tinggi dan berjaya berkembang secara berterusan. Kami mengeluarkan pelbagai produk yang memenuhi keperluan masyarakat dan melebarkan liputan perniagaan ke bidang yang lebih luas, di samping meneruskan globalisasi bisnes.

Tahun 2018 telah merupakan tahun kedua yang penting dalam pelaksanaan pelan pengurusan penggal pertengahan 3 tahun “LIP (LINTEC INNOVATION PLAN) – 2019”. Tetapi, walaupun kami berjaya mencatat keuntungan yang melebihi sedikit dari penggal sebelumnya, hasil tersebut masih tidak mencapai keuntungan perniagaan yang disasarkan. Kenaikan harga minyak semula jadi yang tinggi merupakan sebab utama keuntungan menurun.

Walaupun bagaimanapun, anak syarikat seperti MADICO di Amerika yang mendapat keuntungan melalui penjualan filem tingkap dan lain-lain, serta LINTEC THAILAND yang telah bergabung dengan syarikat jualan di samping menyatukan pengeluaran dan penjualan produknya, telah mencatat perkembangan perniagaan yang lancar dan ini boleh dikatakan sebagai hasil keuntungan yang besar. Selain itu, di Singapura, LINTEC ASIA PACIFIC REGIONAL

## **Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan “LIP-2019”**

(April 2017 - Mac 2020)

Polisi asas

### **Mendalamkan lagi inovasi, dan menahut cabaran pertumbuhan yang baru**

Tema Penting

1. Penguatan strategi rantau
2. Penciptaan nilai baru
3. Penguatan struktur korporat
4. Usaha ke arah merealisasikan masyarakat yang boleh mampan

HEADQUARTERS (LAP) PRIVATE LIMITED, yang bertanggungjawab untuk penyeliaan perniagaan di kawasan ASEAN serta India sudah mula beroperasi secara tetap, dan ini juga telah membantu perkembangan anak syarikat di luar negara. Pada masa hadapan, kami berharap untuk melaksanakan pengambilan pekerja tempatan dengan lebih proaktif, dan menambah jumlah president serta eksekutif yang berasal dari negara ASEAN.

## Mengasuh Bakat Kreatif yang Menjadi Daya Penggerak Inovasi

Pada tahun 2019 yang merupakan tahun terakhir buat “LIP-2019”, berdasarkan pelan baharu yang dinamakan “Tahun Berhadapan dengan Cabaran”, fokus kepada inovasi yang selanjutnya akan dipertingkatkan lagi.

Perkara yang penting untuk mencipta inovasi bernilai ialah pengasuhan bakat serta penggalakan kepelbagaian<sup>\*1</sup>. Dalam masa terdekat, sekiranya efisiensi pentadbiran dapat dipertingkatkan, kerja rutin akan dilaksanakan oleh AI (kecerdasan buatan) dan robot. Dalam persekitaran tersebut, yang mampu berjaya ialah mereka yang mengetahui kemampuan diri sendiri serta mempunyai kesedaran masalah. Sekiranya pentadbiran dan pengurusan dapat dilaksanakan secara automatik, saya percaya bahawa mengasuh bakat kreativiti yang tidak dimiliki oleh AI merupakan perkara yang menjadi daya penggerak inovasi. Langkah kami untuk menggalakan kepelbagaian ciri-ciri individual pekerja yang mendorong kejayaan mereka merupakan salah satu cara untuk mencapai matlamat tersebut. Sejak “Jawatankuasa Penggalakan Kepelbagaian” dicipta pada tahun 2016, jumlah pekerja wanita baharu telah meningkat dan mencapai penglibatan sebanyak 30%. Kami memegang cita-cita agar, bermula dari bidang pembangunan, pekerja wanita yang memegang jawatan pengurusan dalam syarikat kami akan bertambah lagi, serta memberi perspektif dan kepekaan unik wanita



### Penggal Ke-126 Dasar Kegiatan

## Tahun Berhadapan dengan Cabaran

### LINTEC INNOVATION PLAN 2019

- Memastikan semua pekerja sentiasa memiliki kesedaran masalah serta menggalakkan inovasi
- Menjangka perubahan pasaran dan menawarkan produk dan servis yang digemari pelanggan
- Menjadikan CSR sebagai dasar untuk merealisasikan pembangunan mampan masyarakat

demi pembaharuan pentadbiran syarikat.

Di samping itu, sebagai langkah pertama merealisasikan inovasi, kami berancang untuk meningkatkan kelajuan penciptaan produk baharu dan dari situ meningkatkan nisbah keuntungan. Demi itu, menggilap kepakaran penyelidik dan pencipta produk dalam mengenal pasti keperluan tersembunyi pelanggan seterusnya mencipta produk yang sesuai adalah perkara yang penting. Jadi, kami akan berusaha untuk menyatukan sistem pengeluaran dan perniagaan dan mencipta produk yang bersesuaian dengan keperluan klien kami.

Seterusnya, melalui usaha “Jawatankuasa SDGs<sup>\*2</sup>” yang ditubuhkan pada Februari 2018 untuk menerapkan konsep SDGs dalam syarikat dan menyumbang kepada penyelesaian masalah masyarakat, pelbagai idea telah dikeluarkan dalam masa setahun lebih. Kami percaya pengalaman yang dilalui 26 orang ahli jawatankuasa dari pelbagai bidang akan membantu dalam menjayakan aktiviti CSR dan menjadi aset yang berharga buat syarikat. Pengalaman ini juga akan menyumbang kepada perubahan syarikat kepada sistem yang berteraskan konsep ESGs<sup>\*3</sup>.

## Menyumbang kepada Pencapaian Matlamat SDGs Sebagai Langkah Menangani Risiko

Kejadian hujan lebat dan tanah runtuh yang melanda kawasan Jepun pada tahun 2018 menjadi ancaman buat perniagaan syarikat kami pada waktu itu. Disebabkan pemberhentian pengedaran barang dan penjualan kepada pelanggan, permintaan terhadap produk kami juga terjejas. Akibat perubahan iklim melalui pemanasan global, walaupun fasiliti dan alatan kami tidak terkesan secara langsung ia tetap merupakan risiko yang besar buat syarikat. Demi meneruskan perniagaan dan kemajuan ke masa hadapan, setiap bisnes haruslah

<sup>\*1</sup> Kepelbagaian: Kehidupan bersama orang-orang yang mempunyai taraf dan pendapat yang berbeza dalam satu kumpulan. Dengan cara menghormati perbezaan masing-masing, kelebihan setiap ahli dapat digunakan pada keadaan dan masa yang sesuai, serta idea untuk menyelesaikan masalah dapat diperolehi dari banyak perspektif.

<sup>\*2</sup> SDGs: Singkatan buat Sustainable Development Goals (Matlamat Pembangunan Lestari). 17 matlamat dan 169 sasaran yang telah diletakkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu pada September 2015.



Di Jawatankuasa SDGs kami berusaha dalam mencari penyelesaian kepada masalah masyarakat melalui perniagaan



Bangunan yang mengeluarkan filem tingkap yang boleh mengurangkan panas dari cahaya matahari



Kerjasama dengan rantau melalui aktiviti menanam pokok bakau

berusaha bersama-sama untuk melawan pemanasan global. Salah satu caranya ialah dengan mengurangkan pengeluaran gas CO<sub>2</sub>.

Kerajaan Jepun telah menetapkan matlamat untuk mengurangkan pengeluaran gas CO<sub>2</sub> pada tahun 2030 sebanyak 26% dibandingkan dengan tahun 2013. Syarikat kami pula menetapkan matlamat pengurangan gas CO<sub>2</sub> sebanyak 30%, dan demi matlamat tersebut kami sedang merancang pelaburan untuk fasiliti dan alatan yang diperlukan. Di situ, yang penting bukan sahaja kami dapat mengurangkan pengeluaran gas CO<sub>2</sub>, tetapi juga kos pembuatan produk. Buat masa hadapan, kami akan berusaha untuk mengurangkan pengeluaran gas CO<sub>2</sub> sewaktu pengangkutan barang juga.

Sejak kebelakangan ini, sampah plastik menjadi tumpuan sebagai masalah alam sekitar yang besar. Bagi mengelakkan sampah plastik mengalir ke lautan dan melindungi ekosistem kita, dunia sekarang semakin maju ke arah produk tanpa plastik. Buat syarikat kami yang mengeluarkan dan menjual produk seperti filem perekat, ini merupakan risiko yang membahayakan buat bisnes, oleh itu kami sedang berusaha dalam pembuatan produk baharu seperti filem 'biodegradable'.

Untuk mengenal pasti dan mengendali risiko yang berkaitan dengan perniagaan dan pentadbiran, pada April 2018 kami telah menubuhkan "Jawatankuasa Pengurusan Risiko Seluruh Syarikat". Ahli-ahli jawatankuasa ini terdiri daripada setiap ketua ibu pejabat serta ketua ofis yang dibawah panduan langsung presiden syarikat. Sekarang, jawatankuasa ini sedang menguruskan survei yang telah dilaksanakan bagi menangani risiko dalam syarikat.

Punca risiko bukan sahaja berada pada faktor luaran seperti perubahan iklim atau bencana alam. Untuk memelihara keteguhan dan kesihatan bisnes, "Jawatankuasa Tata Urus Syarikat" ditubuhkan

pada Disember 2018. Jawatankuasa ini bertugas untuk memberi bantuan kepada staf pegawai dan eksekutif mengenai hak memilih dan membuang ahli Lembaga, serta memastikan tata urus syarikat sentiasa bersifat objektif dan tulus.

Selain itu, melalui cara menangani risiko seperti di atas, kami juga akan berusaha dalam mencari 'peluang' yang ada di sebalik risiko dihadapi.

## Mengejar Kemajuan Selanjutnya Melalui Kegiatan CSR Berdasarkan "Keikhlasan dan Kreativiti"

Demi memenuhi tanggungjawab kami sebagai syarikat global, kami juga menjalankan aktiviti CSR di kumpulan syarikat kami di luar negara berdasarkan kawasan setempat. Kegiatan menanam pokok bakau di Indonesia bersama penduduk setempat merupakan salah satu aktiviti tersebut. Dengan menanam pokok, kami bukan sahaja dapat memelihara kesihatan ekosistem, tapi kami juga berazam untuk mengeratkan hubungan bersama masyarakat tempatan. Aktiviti CSR seperti inilah yang sememangnya cara merealisasikan moto syarikat, "Keikhlasan dan Kreativiti".

Untuk masa hadapan, kami meletakkan matlamat supaya setiap pekerja dapat menerapkan konsep "Keikhlasan dan Kreativiti" dalam diri, dan menyertai kegiatan CSR berdasarkan SDGs bagi mencapai kemajuan yang lebih baik

Agar masyarakat dan semua pekerja kami dapat memahami kegiatan CSR Kumpulan LINTEC buat tahun 2018, kami telah meringkas laporan ini kepada bentuk yang mudah difahami.

Kami mengharapkan sokongan dan galakan yang berterusan dari anda semua.

\*3 ESG: Singkatan buat Environment (Persekitaran), Social (Masyarakat), Governance (Tata Urus). Digunakan sebagai indeks untuk menentukan sebuah syarikat mampu maju atau tidak.



# Melindungi Kawasan dan Warga Tempatan dengan Hutan yang Luas

Sejak tahun 2016, PT. LINTEC INDONESIA telah terlibat dalam aktiviti menanam pokok bakau.

Bersama PT. LINTEC JAKARTA yang merupakan salah satu pusat perniagaan kami, serta penduduk tempatan dan pelajar daripada Institut Pertanian Bogor, kami telah menanam pokok bakau dan mengadakan pemerhatian berkala untuk mencatat pertumbuhan pokok. Melalui aktiviti ini kami dapat menyumbang kepada alam sekitar dan kehidupan penduduk kawasan.

## Kami ingin menyumbang kepada negara ini dengan kebolehan kami

Indonesia merupakan negara yang mempunyai kawasan pokok bakau terbesar di dunia. Malangnya, disebabkan aktiviti penternakan udang dan pembinaan pelabuhan di kawasan pinggir laut, pembalakan pokok bakau masih berterusan. Pokok bakau yang ada sebanyak 3.058 juta hektar pada tahun 1990, telah berkurang kepada 2.244 juta hektar pada tahun 2015.<sup>\*1</sup>

Dibandingkan dengan pokok biasa di Jepun, pokok bakau mampu menyerap sebanyak 2 kali ganda gas CO<sub>2</sub> bagi setiap unit keluasan. Selain itu, kerana pelbagai jenis kehidupan hidup bersembunyi disebalik pokok bakau ia dipanggil “tempat lindungan buat laut”, dan memainkan peranan yang penting dalam melindungi kepelbagaian kehidupan. Di samping itu, oleh kerana sebatang pokok mempunyai akar yang banyak dan berceranggah, pokok bakau dapat melindungi kawasan pinggir laut daripada kesan

ombak kuat atau tsunami. Di kawasan pokok bakau dimana PT. LINTEC INDONESIA melaksanakan penanaman pokok, hakisan tanah telah menjadi masalah yang serius sehingga penduduk tempatan terpaksa berpindah dari kawasan itu.

Setelah melihat keadaan kawasan, PT. LINTEC INDONESIA telah membuat keputusan untuk “menyumbang kepada negara ini dengan cara Indonesia yang kami juga boleh lakukan”, dan bermula dari tahun 2016, melaksanakan aktiviti menanam pokok bakau. Setiap tahun aktiviti ini semakin berkembang, dan pada 2019 yang merupakan tahun keempat jumlah peserta telah

bertambah kepada 112 orang. Pada hari aktiviti paras air yang rendah dan kawasan paya yang melekit menyebabkan ramai orang berasa tidak selesa, tetapi dengan sokongan penduduk tempatan, pelajar Institut Pertanian Bogor dan peserta lain, aktiviti dapat dilaksanakan hingga tamat tanpa masalah.



## Kami mahu bekerjasama bersama penduduk tempatan dan menyumbang kepada kawasan ini

PT. LINTEC INDONESIA telah memulakan aktiviti pembersihan alam sekitar berdekatan kilang pada tahun 2013 sempena “Bulan Hijau April” yang ditetapkan kerajaan Indonesia, dan tahun itu saya merupakan ketua kilang. Sepanjang aktiviti tersebut saya berfikir, “Saya mahu melaksanakan lebih banyak aktiviti mengikut cara orang Indonesia”, dan dari tahun 2016, aktiviti menanam pokok bakau bermula bersama sukarelawan lain.

Pada masa ini, saya juga menerima permintaan daripada Insitut Pertanian Bogor untuk terlibat dalam kuliah mereka, dan di situ saya bercerita kepada ramai orang tentang kesusahan yang dilalui dan juga rasa puas hati yang saya dapat daripada aktiviti ini. Sebagai syarikat global, Kumpulan LINTEC dapat berdiri dengan sokongan dari masyarakat. Melalui cara membantu penduduk tempatan dan menyumbang dengan kemampuan kami, kami ingin terus maju ke hadapan bersama masyarakat.



Tomonori Kawakami, Presiden, PT. LINTEC INDONESIA

\*1 Penilaian daripada Food and Agriculture Organisation of the United Nations (FAO) (dipetik dari Global Forest Resources Assessment 2015) <http://www.fao.org/3/a-i4808e.pdf>



## Kawasan penanaman



## Rekod aktiviti penanaman pokok bakau

### [Kronologi]

- April 2016 **[Kali Pertama]**  
1,500 biji benih pokok ditanam.
- Julai 2016 Disebabkan paras air yang menaik dan ombak dari kapal nelayan, benih ditimbus air dan lebih kurang 1,000 benih mati. Peratusan benih yang berjaya btumbuh<sup>2</sup> mencapai 30%, selanjutnya, pemerhatian tumbuhan pokok akan dilaksanakan 3 bulan sekali.
- April 2017 **[Kali Kedua]**  
Sebanyak 2,500 anak benih yang sudah tumbuh hingga 50cm, dicampur dengan 1,000 benih yang mati tahun lepas, ditanam. Peratusan anak benih yang berjaya tumbuh mencapai 80%, dan pertumbuhan yang sihat dapat dipastikan.
- April 2018 **[Kali Ketiga]**  
Sebanyak 2,000 anak benih yang sudah tumbuh hingga 80cm ditanam. Untuk melindungi pokok dari ombak dari kapal nelayan, dan mengelakkan hakisan tanah, pagar telah dipasang.
- April 2019 **[Kali Keempat]**  
Sebanyak 2,500 benih yang sudah tumbuh hingga 80cm ditanam.



Dari masa ditanam 0 bulan / 30cm (Biji benih)



Dari masa ditanam 3 bulan / 60cm (Anak benih)



Dari masa ditanam 15 bulan / 150cm



Dari masa ditanam 24 bulan / 260cm



Dari masa ditanam 40 bulan / 400cm

### [Kawasan aktiviti]



### [Pencapaian aktiviti]

Keluasan purata	1.89 hektar
Anggaran jumlah pokok	8,500 batang
Anggaran jjumlah peserta	312 orang
Penyerapan gas CO <sub>2</sub> setahun	Sekitar 43.8 t/setahun (purata dikira berdasarkan jangka hayat pokok bakau - kira-kira 30 tahun)

## Mahu melakukan aktiviti berdasarkan kawasan tempatan

Kami telah terlibat dengan aktiviti menanam pokok bakau ini dari awal lagi. Pada permulaannya kami tidak tahu cara menanam pokok bakau atau mencari pemilik tanah. Dengan kerjasama orang lain akhirnya kami dapat menanam di satu kawasan tanaman. Sewaktu benih yang kami telah tanam pada awal aktiviti ditenggelami air, kami cukup sedih, tetapi selepas kami menjalankan pemerhatian tumbuhan setiap pokok dan mengenal pasti beih yang akan ditenggelami air, kami dapat meningkatkan peratusan benih yang dapat berakar setiap tahun. Di kawasan lain juga aktiviti menanam pokok bakau juga sedang berkembang. Pada masa hadapan juga, kami berhasrat untuk melakukan aktiviti yang melibatkan kawasan tempatan.



**Daisuke Goto**

Bahagian Kejuteraan  
PT. LINTEC  
INDONESIA



**Sugiharto**

Bahagian Kualiti dan  
Jaminan  
PT. LINTEC  
INDONESIA

<sup>2</sup>Kejayaan menumbuh: Benih pokok dapat berakar dan membesar

## Mereka menyertai aktiviti menanam pokok bakau dengan semangat masing-masing untuk memperbaiki alam sekitar.

### Peserta

■ **PT. LINTEC INDONESIA: 23 orang** ■ **PT. LINTEC JAKARTA: 6 orang** ■ **LINTEC CORPORATION: 2 orang**  
 ■ **Pemilik tanah/ penduduk setempat: 41 orang** ■ **Pelajar Institut Pertanian Bogor: 40 orang**

### PT. LINTEC INDONESIA

Bukan hanya dengan aktiviti mengumpul derma, kami juga rasa bangga dapat menyertai aktiviti menanam pokok bakau ini. Buat masa hadapan, supaya pelbagai aktiviti lain dapat dilakukan kita perlulah bekerjasama dengan orang dan syarikat sekeliling kita. Demi itu, perkara yang kami pelajari daripada pengalaman ini akan kami kongsi bersama rakan yang lain

**Martha Lie**

Bahagian  
Perdagangan



**Melani**

Bahagian  
Perakaunan



**Ali Amin**

Bahagian Bahan Cat



**Parjino**

Bahagian Kertas



Walaupun ada sesetengah pekerja di PT. LINTEC INDONESIA yang memiliki pengalaman menanam pokok, ada juga yang langsung tidak pernah nampak pokok bakau. Syarikat di mana pekerjajanya sendiri menanam pokok jarang didapati, tetapi kami percaya jika tidak cuba melakukannya dengan tangan sendiri, kita tidak mampu bercerita tentang pengalaman kita. Kami sebagai orang Jepun dapat memahami sedikit sebanyak nilai aktiviti ini buat orang Indonesia.

**Hirokazu Kusumoto**

Bahagian Pengeluaran



**Koji Nagata**

Bahagian  
Perakaunan



**Eri Kamiryo**

Pengurusan dan  
Pentadbiran



### PT. LINTEC INDONESIA (pengurus aktiviti)

Saya bertugas sebagai pengurus aktiviti menanam pokok bakau ini. Walaupun saya bersusah payah dalam perkara seperti menyediakan benih, membuat kain rentang dan sebagainya, saya lega dan gembira semua orang dapat menyertai aktiviti ini tanpa masalah. Di PT. LINTEC INDONESIA ramai pekerja kami berasal dari kawasan pedalaman, jadi kami berhasrat untuk meneruskan aktiviti ini buat masa akan datang.

**Asep Heriandi**

Penyelia 5 S



**Shanti Lestari**

Bahagian Kualiti dan  
Jaminan



**Sarni Pujiyanto**

Bahagian Hal Ehwal  
Am dan Sumber  
Manusia



### LINTEC Corporation

Tahun ini merupakan tahun kedua kami menyertai aktiviti ini. Perkara yang kami mampu lakukan tidaklah begitu banyak, tetapi kami tetap cuba menyokong PT. LINTEC INDONESIA dan PT. LINTEC JAKARTA. Perkara yang penting dalam memajukan perniagaan ialah untuk diterima oleh masyarakat setempat. Sebagai syarikat global, kami berazam untuk meneruskan aktiviti bermanfaat seperti ini.

**Makoto Hattori**

Ahli Lembaga,  
Pengarah Eksekutif  
Ibu Pejabat  
Perniagaan Pusat



**Gohei Kawamura**

Ahli Lembaga,  
Pengarah Eksekutif  
Ketua Ibu Pejabat Pengeluaran  
cum Pengurusan Kualiti Produk/  
Penggabungan Persekitaran



### PT. LINTEC JAKARTA

Kami mempelajari cara-cara meningkatkan peratusan anak benih yang tumbuh dan kerana itu kami dapat menanam pokok bakau dengan baik. Agar Kumpulan LINTEC diperlukan dan disambut baik oleh Indonesia pada masa hadapan, kami harap boleh menghubungkan bisnes kami dengan aktiviti seperti ini.

**Yuji Arai**

Presiden



**Kosuke Sasaki**

Bahagian Jualan



### Pemilik tanah

Saya sebagai penyokong PT. LINTEC INDONESIA telah menyertai aktiviti ini dari permulaannya. Demi hutan pokok bakau ini, perkara yang mampu dilakukan oleh seorang adalah terhad, tetapi dengan kerjasama semua sedikit sebanyak rupanya pada masa dahulu sedang dipulihkan. Untuk masa hadapan, saya berharap sekolah dan masjid yang pernah ditelan laut dapat juga diperbaiki.

**Encik Usup Suprianta**



### Pelajar Institut Pertanian Bogor

Setiap tahun pelajar tahun ketiga menyertai aktiviti menanam pokok. Di universiti kami ada belajar mengenai pokok bakau, jadi kami seronok dapat menyertai sekali. Berita mengenai aktiviti ini dikongsi luas di dalam universiti di laman web, radio dan juga laman web sosial, dan ramai orang ingin mengambil tahu apa yang dilakukan. Keseimbangan antara alam sekitar dan ekonomi ialah masalah yang sukar diselesaikan, tetapi dengan menetapkan undang-undang untuk pembalakan kami percaya keadaan sekarang boleh diperbaiki.

**Encik Anwar Akbar Amdar**



**Puan Ririn Rosita Hur**



### Penduduk setempat

Di wilayah Karawang yang mempunyai kawasan paya bakau, daripada sekitar 9,000 hektar pokok bakau, 60% iaitu 5,400 telah hilang. Kami sedang mengumpul syarikat yang berada dalam wilayah Karawang dan mengadakan taklimat mengenai keadaan paya bakau, tetapi proses penanaman masih separuh jalan. Kami berharap PT. LINTEC INDONESIA dapat menarik syarikat lain untuk menyertai aktiviti seperti ini.

**Encik Supriyadi**





## Laporan Aktiviti Jawatankuasa SDGs

# Mencari Penyelesaian Kepada Masalah Masyarakat Melalui Bisnes

### Demi Masa Hadapan yang Boleh Dikongsi Bersama Semua Pekerja

Kami di Kumpulan LINTEC mempunyai moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” dan juga “Untuk Esok, Mari Bina Hari ini”. Berdasarkan prinsip ini, Jawatankuasa SDGs<sup>1</sup> telah ditubuhkan untuk memikirkan tentang cara mencapai pemabangunan mampan dan cara menyelesaikan isu yang dihadapi masyarakat. 26 ahli dari bahagian penyelidikan, pengeluaran, jualan, pengurusan dan pelbagai lagi bidang lain dipilih, dan dari Februari 2018 telah bekerjasama dan berusaha keras dalam mengkaji cara menerapkan SDGs dalam kumpulan syarikat kami.

Untuk mengimplementasikan SDGs

dalam bisnes dan memajukan kegiatan kami sebagai satu syarikat, perkara yang paling penting ialah supaya semua pekerja dapat berkongsi imej untuk masa hadapan yang sama. Demi itu, setelah mengadakan perbincangan yang teliti kami telah menyediakan satu senarai bertajuk “Keadaan Yang Harus Ada di LINTEC Menjelang 2030”. Tahun 2030 merupakan tahun matlamat buat SDGs, dan juga menjadi matlamat masa hadapan yang perlu direalisasikan agar dapat masa hadpaan tersebut dapat dikongsi bersama semua pekerja kami. Pada Mac 2019, idea ini telah diperkemukan kepada ketua jawatankuasa dan Presiden serta bahagian pentadbiran syarikat, dan pada masa ini kami masih meneruskan perbincangan ke arah masa hadapan ini.

### Usaha Setiap Ahli Berkait Dengan Masyarakat

Melalui kegiatan seperti ini, ahli-ahli Jawatankuasa SDGs dapat memastikan lagi sekali beberapa perkara penting. Antaranya ialah, usaha setiap dari kita ada hubung



kaitnya dengan masyarakat. Di samping itu, walaupun kita perlu mendengar dan menghargai suara pelanggan sekarang, pentingya juga untuk mendengar dan melihat ke arah masyarakat masa hadapan.

Selain itu, untuk mencari penyelesaian dan inovasi untuk isu yang dihadapi masyarakat, kami sedar bahawa kita perlulah berinteraksi secara terbuka di luar sempadan syarikat, menerima idea baharu serta menyebarkan maklumat secara proaktif.

Langkah ke arah tahun 2030 ini baru sahaja bermula. Kami akan berusaha untuk berkongsi impian untuk masa hadapan ini bersama semua pekerja dan menuju mencari penyelesaian masalah masyarakat yang kita hadapi sekarang.

### ● Kata-kata Ahli Jawatankuasa SDGs

Kefahaman yang meningkat mengenai SDGs telah memberi kesan positif kepada pengurusan syarikat. Secara tidak sedar, budaya sentiasa memikirkan kesan pembangunan dan kemajuan kepada aspek sosial dan masyarakat telah menjadi kebiasaan buat kami

#### Hideki Numazawa

Ketua Bahagian  
Bahagian Kajian  
Bahan Baru  
Pusat  
Penyelidikan



Saya dapat mempelajari kepentingan prinsip syarikat dan semangat masa untuk masa hadapan dalam mencari penyelesaian masalah masyarakat. Saya harap saya boleh jadikan syarikat ini syarikat yang dilihat oleh anak, “Hebatnya syarikat ayah!” dah dibanggakan seperti itu.

#### Satoshi Hiruma

Ketua  
Ofis Pengurusan  
dan Perancangan



Melalui Jawatankuasa SDGs, saya sedar sekali lagi betapa besarnya skop perniagaan Kumpulan LINTEC. Walaupun kecil, saya rasa kami dapat mengembangkan satu bunga inovasi melalui usaha kami.

#### Hidetomo Inoue

Ketua Subseksyen  
Seksyen Teknologi  
Kertas Jenis Barat  
Bahagian Pembuatan  
Kertas Jenis Barat  
Kilang Kumagaya



Dalam masa terdekat, kami akan mula melaksanakan idea-idea dalam “Keadaan Yang Harus Ada di LINTEC Menjelang 2030”. Pada waktu itu, kami berazam untuk menyumbang kepada penyelesaian masalah masyarakat yang melibatkan pusat pengeluaran.

#### Shunsuke Ochiai

Ketua  
Seksyen Teknologi  
Pengeluaran  
Kilang Tatsuno



\*1 SDGs: → lihat halaman 6

# Aktiviti CSR oleh LINTEC

Perniagaan Kumpulan LINTEC wujud daripada sokongan oleh para pemegang kepentingan. Bagi memenuhi harapan pemegang kepentingan dan menjadi syarikat yang terus dipercayai, semua pekerja, dengan meletakkan moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” sebagai asas, mengambil “LINTEC WAY”, “Sikap Asas CSR”, dan “Garis Panduan Pematuhan” yang penting bagi mendukung moto syarikat, dan memacu secara proaktif kegiatan CSR.

Bermula dari bulan April 2017, untuk merealisasikan Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan “LIP (LINTEC INNOVATION PLAN)

## Sistem pemacu CSR

Di bawah kawalan langsung ketua Bahagian Perjalanan CSR, kami menjalankan pembangunan tahap etika yang tinggi dan menyokong setiap aktiviti jawatankuasa.

Jawatankuasa ini terdiri daripada ahli merentas organisasi, yang bertanggungjawab menyusun dan bertanggungjawab dalam promosi bagi setiap jawatankuasa, dan mengetuai aktiviti pengurusan.



- 2019”, pengukuhan pengurusan kumpulan adalah penting, dan kami menggalakkan kegiatan CSR yang berterusan dalam global. Selain itu, kami menggabungkan aktiviti CSR yang berhubung terus dengan pihak pengurusan dan mengamalkan CSR melalui perniagaan utama kami.

Kumpulan LINTEC terlibat juga dalam “Global Compact” PBB, dan berdasarkan piawaian antarabangsa seperti ISO26000, menjalankan kegiatan perniagaan dan CSR.

Di samping itu, bersama materialiti yang dikenal pasti, kami menetapkan indeks penilaian utama (KPI)<sup>1</sup> yang baharu, dan melaksanakan kegiatan CSR yang strategik melalui amalan kitaran PDCA yang efektif.

## UN Global Compact

Kumpulan LINTEC telah menyertai “UN Global Compact” dari April 2011. Dengan berdasarkan 10 prinsip yang tertera di bawah, kami menjalankan kegiatan industri kami, dan menyumbang terus kepada pembangunan berterusan syarikat.

<ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Hak manusia</b></li> <li>Prinsip 1: Sokongan dan penghormatan terhadap perlindungan hak manusia</li> <li>Prinsip 2: Menolak pelanggaran hak manusia</li> <li>● <b>Standard kerja</b></li> <li>Prinsip 3: Perakuaan kebebasan berserikat dan hak perundingan kolektif</li> <li>Prinsip 4: Menolak kerja paksaan</li> <li>Prinsip 5: Menolak amalan buruh kanak-kanak</li> <li>Prinsip 6: Menghapuskan diskriminasi pelantikan dan pekerjaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Alam Sekitar</b></li> <li>Prinsip 7: Pendekatan bersifat pencegahan masalah alam sekitar</li> <li>Prinsip 8: Inisiatif bertanggungjawab terhadap alam sekitar</li> <li>Prinsip 9: Pembangunan dan penyebaran kepakaran mesra alam sekitar</li> <li>● <b>Pencegahan Korupsi</b></li> <li>Prinsip 10: Usaha pencegahan korupsi dalam segala bentuk termasuk peras ugut dan pemberian rasuah</li> </ul>
---	--

## Komunikasi antara rangkaian nilai Kumpulan LINTEC dengan pemegang kepentingan

Kegiatan perniagaan Kumpulan LINTEC memberi impak kepada setiap rangkaian nilai. Bagi setiap fasa, kami melakukan perbincangan secara proaktif dengan para pemegang kepentingan, dan menjalankan usaha-usaha mencapai harapan masyarakat.

### [Tempat perbincangan]

Pelanggan	Pameran di dalam dan luar negara, Kaunter pertanyaan dan sebagainya
Klien	Soal selidik dan sebagainya
Masyarakat serantau	Lawatan sambil belajar ke kilang, Kegiatan menyumbang kepada masyarakat dan sebagainya
Pekerja	Majalah komunikasi, Internet dan sebagainya
Pemegang saham/ pelabur	Mesyuarat umum pemegang saham, Mesyuarat IR, alat IR dan sebagainya

**Perolehan bahan mentah**

Menuju kewujudan dan pertumbuhan bersama dengan klien, serta menggalakkan perolehan CSR

**Pembangunan penyelidikan**

Penciptaan produk baru yang inovatif serta menyumbang kepada masyarakat yang berpusat di bahagian pembangunan penyelidikan

**Sorotan Usaha-usaha LINTEC**

Bilangan klien bahan sumber Kira-kira **500** syarikat

Peratusan menjawab soal selidik daripada 112 syarikat klien utama **99.1%**

Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan pembangunan

Kos kegunaan penyelidikan dan pembangunan **8.3** bilion yen

★ Petunjuk prestasi tanda paparan yang mendapat pengesahan daripada pihak ketiga syarikat SGS Jepun. Hasil daripada pengesahan, tiada perkara yang penting yang perlu diperbetulkan.  
<sup>1</sup> Indeks penilaian utama (KPI): Indeks penting yang berkaitan dengan strategi organisasi yang ditetapkan untuk mengukur secara kuantitatif tahap pencapaian matlamat.

<sup>2</sup> BCMS: Singkatan untuk Business Continuity Management System. Untuk “meneruskan perniagaan” semasa berlaku kejadian yang memberi kesan besar kepada perkhidmatan atau produk penting syarikat, kami memahami keadaan semasa organisasi dan merumuskan pelan kesinambungan perniagaan, dan melaksanakan penilaian efisien pelan berdasarkan latihan, serta teknik pengurusan untuk mengendalikan sistem.

# Kegiatan-kegiatan CSR

## Pengurusan risiko

Untuk menguatkan sistem pengurusan risiko Kumpulan LINTEC, Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah ditubuhkan pada April 2018. Ahli jawatankuasa terdiri daripada ketua ofis yang berada di bawah kawalan langsung setiap Ketua Ibu Pejabat dan Presiden, dan jawatankuasa ini menjalankan kajian keadaan sebenar dan risiko dalam syarikat. Tugasnya juga melibatkan mengenal pasti segala jenis risiko yang mengancam perniagaan setiap syarikat dalam kumpulan, dan mempromosikan penambahbaikan mengikut kesesuaian. Selain itu, keadaan Jawatankuasa Pengurusan Risiko seluruh syarikat dilaporkan dua kali setahun oleh pengerusi kepada Ahli Lembaga Pengarah untuk meningkatkan keupayaan pengurusan risiko dan berkongsi maklumat.

## Kajian global berkaitan hak manusia/ buruh

Kumpulan LINTEC menjalankan kajian keadaan sebenar berkaitan hak manusia dan pekerja setahun sekali. Subjek kajian merangkumi banyak perkara termasuk pematuhan undang-undang dan diskriminasi, menghormati hak manusia, buruh kanak-kanak, buruh paksa, gaji, waktu bekerja, perbincangan dan konsultasi bersama para pekerja, persekitaran kerja yang selamat dan sihat dan juga pemupukan modal insan.

Pada kajian\* yang diadakan pada bulan Februari tahun 2019 juga, selain daripada pematuhan setiap negara dan rantau, tatakelakuan Kumpulan LINTEC juga difahami, dan kami dapat memastikan bahawa persekitaran kerja yang menghormati hak asasi manusia serta selamat dan sihat adalah terjaga. Pada masa akan datang, kami akan

menjalankan kajian berkala sekali setahun, dan memanfaatkannya bagi memahami keadaan sebenar dan penambahbaikannya.

## Pembinaan BCMS<sup>2</sup> di seluruh syarikat

LINTEC dan TOKYO LINTEC KAKO, INC., LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC. sedang berusaha menetapkan BCP<sup>3</sup> supaya, ketika berlaku pelbagai bencana seperti gempa bumi, ia dapat meminimumkan kecederaan kepada individu dan membantu menyambung semula perniagaan dengan pantas.

Pada Mac 2014, kami telah mendapatkan pensijilan ISO22301<sup>4</sup>: 2012, dan bagi meneruskan/ menambah baik BCP, kami mengoperasikan BCMS.

## Talian bantuan

Di Kumpulan LINTEC, kami menyediakan servis talian bantuan (sistem laporan dalaman) supaya sesiapa sahaja boleh melaporkan mengenai kesalahan undang-undang/ etika tanpa merisaukan kerugian.

Talian tersebut melibatkan peguam dari organisasi pihak ketiga, dan sebaik sahaja mendapat laporan dan maklumat, mereka akan melaksanakan sisatan yang pantas.

Cara penggunaan talian bantuan ini diterangkan dalam garis panduan tindakan dan diuar-uarkan secara meluas kepada seluruh kumpulan syarikat. Bermula dari tahun 2018, selain bahasa Jepun dan Inggeris, sokongan bahasa Cina (tulisan cina ringkas) juga telah diadakan.

Di samping itu, maklum balas akan diambil daripada setiap syarikat kumpulan setiap tahun untuk memahami keadaan dan tahap kesedaran mengenai talian bantuan ini, serta melaksanakan tindakan yang diperlukan untuk meningkatkan keberkesannya.

### Pengeluaran



Meningkatkan pengeluaran secara efektif di dalam dan luar negara serta mengurangkan kesan buruk kepada alam sekitar, juga menggalakkan pengeluaran produk baru secara besar-besaran

### Pengurusan sumber



Mencapai pembekalan sumber produk yang stabil dan mengurangkan kesan kepada alam sekitar yang disebabkan oleh anjakan modal<sup>5</sup>

### Jualan/ Penggunaan



Menawarkan kepercayaan dan keyakinan berdasarkan "pembuatan" bahan yang berkualiti tinggi yang dapat memuaskan hati pelanggan

### Pelupusan dan kitar semula



Promosi pengurangan sisa makanan dan penggunaan yang berkesan

Pelaksanaan pelbagai kegiatan yang menyumbang kepada masyarakat di setiap pejabat jualan  
Nilai sumbangan setahun bagi kegiatan sumbangan kemasyarakatan  
**19.76** juta yen

Jumlah pengeluaran CO<sub>2</sub> bagi kegiatan pengedaran barangan Nisbah tahun 2017  
Pengurangan sebanyak **0.16%**  
Penambahbaikan kira-kira **1.2%**  
Unit jumlah penggunaan tenaga

Hasil penelitian pengurusan kualiti peratusan bilangan insiden kualiti Daripada tahun 2003 (tahun piawai)  
Berlaku pengurangan **91%**

Peratusan terakhir ditimbus **0.14%**

<sup>3</sup> BCP: Singkatan kepada Business Continuity Plan. Jika syarikat menghadapi keadaan kecemasan seperti kemalangan atau bencana, untuk mengurangkan kerosakan, kami merumuskan pelan tindakan lebih awal untuk membolehkan penerusan atau pemulihan awal.

<sup>4</sup> ISO22301: Dalam kejadian seperti gempa bumi dan kebakaran, kegagalan sistem IT dan krisis kewangan, kejadian bankrap pelanggan, wabak, bencana atau kemalangan, sebagai persediaannya,

merancang langkah penyelesaian syarikat dan organisasi, serta melaksanakan piawaian antarabangsa BCMS yang efektif dan berkesan.

<sup>5</sup> Anjakan modal: Dengan menandakan jalur pengangkutan penumpang dan kargo kepada kereta api dan pengangkutan kapal yang boleh mengangkut secara besar-besaran, kami merancang pengurangan pengeluaran CO<sub>2</sub>.

# Laporan Kemasyarakatan

## Sistem Jaminan Kualiti

Kumpulan LINTEC menjalankan sistem jaminan kualiti berdasarkan ISO9001<sup>\*1</sup>.

Selain dari itu, bagi meningkatkan keberkesanan operasi jaminan kualiti, sistem yang aktif dalam setiap bahagian perniagaan telah digabungkan menjadi satu sistem pengurusan kualiti (QMS).

## Pencegahan dan Pendidikan Kemalangan Kualiti

Kumpulan LINTEC percaya adalah wajib untuk mengendalikannya sistem pengurusan kualiti secara berkesan untuk memantau dan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan, dan untuk mengelakkan kemalangan sebelum ia berlaku. Oleh itu, seluruh kumpulan perlu memahami kepentingan ISO9001, dan mempertingkatkan kecekapan juruaudit dalaman yang bertanggungjawab untuk memeriksa sistem pengurusan kualiti.

Berteraskan pemikiran ini, kami mengadakan sistem latihan selama 3 tahun mengikut tiga peringkat iaitu “Pengetahuan Mengenai ISO9001” “Pemahaman Syarat-Syarat” dan “Kaedah Pemeriksaan Dalaman”.

## Pendedahan Maklumat Produk

Kumpulan Lintec memberi pelanggan maklumat tentang produk kami supaya pelanggan dapat memanfaatkan produk dengan selamat dan tanpa risau. Cara kami berbuat sedemikian ialah melalui pengeluaran lampiran data keselamatan (SDS), menjawab soal selidik kandungan bahan kimia, menyediakan dokumen teknikal untuk ciri-ciri produk, mengeluarkan dokumen spesifikasi komposisi/ sifat produk dan sebagainya. Selain itu, untuk menyediakan produk yang memenuhi kehendak pelanggan, ciri-ciri produk, produk yang diketengahkan dan maklumat lain juga diperkenalkan di laman web LINTEC dan berita dalaman syarikat.

## Pemerolehan Hijau

Untuk mengurangkan beban kepada alam sekitar, proses pengurusan sumber, bahagian alatan serta sumber sampingan buat bahan kimia dijalankan dengan rapi. Bukan hanya ketika memperoleh sumber yang baharu sahaja, kami juga memeriksa proses pemerolehan sumber yang sedia ada untuk memastikan ia mematuhi peraturan dan pengawalan campuran bahan kimia.

Pada tahun 2018, kami telah melaksanakan kajian mengenai kira-kira 5,000 jenis bahan mentah dalam Kajian

Campuran Kimia kali ke-19 dan ke-20 Peraturan REACH<sup>\*2</sup> serta chemSHERPA<sup>\*3</sup> 1.06.

## Pemerolehan CSR

Lintec telah menubuhkan “Dasar Perolehan Bahan Lintec”, “Dasar Perolehan Hijau Lintec”, dan “Dasar Perolehan Kayu Pulpa Lintec” berdasarkan CSR, dan menjalankan aktiviti perolehan mengikut dasar-dasar ini.

Kami meminta pembekal untuk melaksanakan CSR secara menyeluruh dari pelbagai perspektif, termasuk menghormati hak asasi manusia, kesihatan dan keselamatan pekerjaan, keselamatan maklumat, dan etika korporat, melalui pelbagai peluang.

Pada tahun 2018, kami juga menjalankan kajian pembekal, dan dari segi CSR, kami mengesahkan pematuhan terhadap undang-undang, buruh kanak-kanak, dan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Daripada kira-kira 500 pembekal bahan mentah yang dibeli di Jepun, 112 syarikat dipilih dari perspektif jumlah urus niaga dan BCP<sup>\*4</sup> diminta melengkapkan soal selidik, dan respons telah diterima daripada 111★ pembekal. Keputusan soal selidik juga digunakan untuk penilaian pembekal.

### Suara

## Menyertai acara tempatan dan menolong peruntukan bekalan makanan untuk kanak-kanak

Pada April 2019, Kumpulan CSR daripada VDI, LLC telah mengambil bahagian dalam “Summer Blessings” yang diadakan sebagai acara tempatan untuk menggalakkan sifat kesukarelaan. Ini adalah acara yang memuatkan 8,000 paun (kira-kira 3,600kg) bahan makanan ke dalam beg, dan memberi beg tersebut kepada kanak-kanak setempat yang melawat pusat komuniti di Louisville, Kentucky. Kumpulan CSR telah membungkus pasta tin, bijirin, snek dan sebagainya bersama ramai peserta lain.



Kumpulan sukarelawan CSR dan datuk bandar Louisville, Tuan Greg Fischer

**Toni Doughty**  
Ahli Jawatankuasa  
CSR  
VDI, LLC



\*1 ISO9001: Piawai antarabangsa untuk sistem pengurusan kualiti.

\*2 Peraturan REACH: Singkatan bagi Peraturan Berkenaan Pendaftaran, Penilaian, Kebenaran dan Penghadan Bahan Kimia, yang menjadi peraturan bahan kimia di Kesatuan Eropah. Pendaftarannya diperlukan sekiranya mengekspor sebanyak lebih daripada 1 tan bahan kimia ke negara-negara Kesatuan Eropah dalam tempoh satu tahun. Juga, sekiranya terdapat bahan kimia yang tersenarai dalam bahan kimia yang tercalon sebagai sasaran kebenaran sebanyak

lebih daripada 0.1% dalam kandungan produk, kita perlu melaporkannya.

\*3 chemSHERPA: Skim perkongsian penyampaian maklumat bahan kimia yang terkandung dalam produk yang disyorkan oleh Kementerian Ekonomi dan Pembuatan. Sistem yang bertujuan untuk menguruskan bahan kimia yang terkandung dalam produk dari atas hinggalah ke bawah rantaian pembekalan secara berselesaian, dan memberi tindak balas berterusan terhadap peraturan yang semakin menyebarkan. Tentang tanda ★ lihat halaman 12.

# Laporan Alam Sekitar

## Sistem Pengurusan Alam Sekitar

Kumpulan LINTEC secara aktif berusaha untuk melindungi persekitaran global berdasarkan “Dasar Kesinambungan Kualiti, Alam Sekitar dan Perniagaan Kumpulan LINTEC”. Dalam integrasi global ISO14001, di dalam dan luar negara kami mempunyai 25 pusat perniagaan termasuk LINTEC THAILAND, dan akan berterusan dalam memacu perkembangan.

Menurut pengesahan pihak ketiga, tiada masalah serius mengenai jumlah penggunaan elektrik, air, pengeluaran gas CO<sub>2</sub>, atau pengeluaran bahan buangan.

Demi pemuliharaan kepelbagaian biologi, kami akan terus terlibat dalam kegiatan penanaman pokok, aktiviti pembersihan pantai dan sebagainya.

## Inisiatif Pencegahan Perubahan Iklim

Jumlah penggunaan tenaga (setara minyak mentah: lingkungan bawah Undang-undang Penjimatan Tenaga) bagi Kumpulan LINTEC dalam negara<sup>5</sup> pada tahun fiskal 2018 meningkat 0.2% dari tahun fiskal sebelumnya disebabkan peningkatan jumlah pengeluaran. Kadar penggunaan tenaga bertambah baik sebanyak 1.8% kepada 0.3114kl/t. Pengeluaran gas CO<sub>2</sub> adalah 179 ribu tan, penurunan daripada 186 ribu tan dalam tahun 2017.

Pada tahun 2019, kami akan mengimplementasikan penggunaan tenaga elektrik kurang pengeluaran karbon, dan dengan menjadikan tahun 2018 sebagai tahun asas, kami

meletakkan matlamat pengurangan pengeluaran gas CO<sub>2</sub> dan tenaga elektrik sebanyak 1%.

## Undang-Undang PRTR<sup>6</sup>

Bahan-bahan PRTR yang dilaporkan oleh LINTEC pada tahun 2018 adalah 12 bahan seperti toluena dan xilena, dan jumlah yang dikendalikan adalah 8,179 tan.

Bahan yang paling ditangani adalah toluena iaitu menyumbang kira-kira 97% daripada jumlah keseluruhan, iaitu 7,919 tan. Peningkatan sebanyak 167 tan dari tahun sebelumnya disebabkan peningkatan pengeluaran. Dalam tahun 2018, jumlah toluena yang dibebaskan ke atmosfera ialah 489 tan, peningkatan 7 tan dari tahun sebelumnya, dan jumlah pemindahan ialah 529 tan, peningkatan sebanyak 46 tan dari tahun sebelumnya.

## Pengurangan VOC<sup>7</sup>

Kami di LINTEC memacu pengurangan VOC. Sewaktu mereka bentuk produk, kami menyasarkan pengurangan jumlah penggunaan pelarut organik dari segi VOC, dan mendorong langkah ke arah penggunaan sifar pelarut dalam minyak penanggal yang digunakan pada kertas tanggal serta minyak perekat yang digunakan pada produk perekat berkaitan pencetak. Peratusan langkah ke arah penggunaan sifar pelarut (berdasarkan jumlah pengeluaran) dalam kertas tanggal pada tahun 2018 ialah 54.2%, manakala peratusan langkah ke arah penggunaan sifar pelarut (berdasarkan jumlah jualan) dalam produk perekat berkaitan pencetak ialah 73.3%. Peratusan ke arah penggunaan sifar pelarut telah menjadi stabil.

### Suara

#### Menggalakkan inisiatif untuk pengurusan sisa yang betul

Di kilang Tatsuno, “Arahan Pengasingan Sisa” dalam format yang sama ditempatkan di setiap lokasi pengumpulan untuk tujuan pengurusan sisa dan barang-barang yang dikembalikan. Pembuangan sampah diasingkan melalui perbezaan warna RGB<sup>8</sup> dan sampah yang boleh dibuang disertakan dengan gambar cara pembuangan yang mudah difahami. Dengan cara ini keberkesanan pengurusan bahan buangan yang boleh menjejaskan alam sekitar dan kesedaran pekerja dapat ditingkatkan. Pada masa ini terdapat 55 jenis pengasingan bahan. Kami berancang untuk menambah jenis bahan buangan dan melaksanakan proses pembuangan dengan lebih rapi.

#### Yuji Nakayasu

Ketua Subseksyen, Subseksyen  
Perancangan dan Kejuteraan, Bahagian  
Kerja Kejuteraan  
Kilang Tatsuno



### Suara

#### Penggunaan alat penyerap karbon aktif untuk mengurangkan pengeluaran gas VOC

Di China, syarikat diminta untuk mengimplementasikan langkah-langkah untuk mengurangkan pencemaran udara. Di situ, sebagai tambahan kepada penggunaan dakwat UV yang mempunyai kesan alam sekitar yang rendah, kami memasang alat penyerap karbon aktif untuk mengurangkan pelepasan VOC. Alat ini diharapkan dapat mengurangkan pengeluaran sebanyak 15-20%.



Alat penyerap karbon aktif

#### Piao Shirong

Bahagian Jaminan Kualiti, Keselamatan Alam Sekitar  
LINTEC PRINTING & TECHNOLOGY  
(TIANJIN) CORPORATION



<sup>4</sup> BCP: → lihat halaman 13.

<sup>5</sup> Kumpulan LINTEC dalam negara: LINTEC Corporation, merangkumi pusat perniagaan LINTEC Corporation, TOKYO LINTEC KAKO, INC., Printec CO., LTD., LINTEC SERVICE CO., LTD. dan LINTEC COMMERCE CO., LTD.

<sup>6</sup> Undang-Undang PRTR: Singkatan bagi (Undang-Undang Berkenaan Kemajuan Penambahbaikan Pengawasan dan Pengurusan Jumlah Pelepasan Bahan Kimia Ditetapkan

Ke Persekitaran) yang mewajibkan sistem laporan “Pollutant Release and Transfer Register” (Jumlah Pelepasan dan Pemindahan Bahan Kimia).

<sup>7</sup> VOC: Singkatan bagi “Volatile Organic Compounds” (sebatian organik meruap). Singkatan umum bagi bahan sebatian organik yang menjadi gas di udara.

<sup>8</sup> RGB: Teknik yang menghasilkan pelbagai warna cahaya dengan menggabungkan tiga warna primer merah, hijau, dan biru.

# Kegiatan CSR syarikat kumpulan luar negara

Demi memenuhi tanggungjawab sebagai syarikat global, kami memacu kegiatan CSR yang berakar di rantau tempatan bagi setiap syarikat kumpulan luar negara.

## LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

Lokasi: Suzhou, China  
 Jumlah pekerja: 203 pekerja  
 Perniagaan Utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak, bahan pengeluaran dan kertas dan bahan pemproses kertas

Di China perkembangan ekonomi yang pesat telah menyebabkan pencemaran udara menjadi masalah yang besar, dan sokongan kerajaan diperlukan untuk mengatasinya. Pada bulan November 2018, syarikat kami memperbaiki tindakan memelihara alam sekitar yang sedia ada dengan cara memasang ekzos gas buangan pengeluaran cat dan gas dari mesin laminate polietilena.



Bahagian luar kilang dengan langkah-langkah alam sekitar yang diperkuatkan



Chen Guo Yan  
 Seksyen Kejuruteraan

## LINTEC PRINTING & TECHNOLOGY (TIANJIN) CORPORATION

Lokasi: Tianjin, China  
 Jumlah pekerja: 99 pekerja  
 Perniagaan Utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Bagi menjalankan percetakan label, proses pencetakan dakwat diperlukan. Bilik pencampuran dakwat dilengkapi dengan kipas pengudaraan, tetapi bau yang terhasil ketika mencampur dakwat terkumpul di dalam bilik. Sebagai penyelesaiannya, kami telah memasang paip ekzos di siling dan ini telah memperbaiki suasana kerja kami.



Paip ekzos yang telah dipasang



Piao Shirong  
 Bahagian Jaminan Kualiti, Keselamatan Alam Sekitar

## LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.

Lokasi: Tainan, Taiwan  
 Jumlah pekerja: 91 pekerja  
 Perniagaan Utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Kami menderma makanan kecemasan yang ada di syarikat kami kepada orang-orang miskin. Aktiviti ini dapat membantu mereka yang mengalami kekurangan makanan di samping memastikan bekalan makanan kami diperbaharui secara kerap. Kami berhasrat untuk meneruskan aktiviti membantu masyarakat seperti ini dengan hati yang ikhlas.



Surat penghargaan untuk aktiviti tersebut



Cheng Wen-chieh  
 Ofis Keselamatan Kejuruteraan

## LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC.

Lokasi: Kaohsiung, Taiwan  
 Jumlah pekerja: 86 pekerja  
 Perniagaan Utama: Pengeluaran dan jualan produk elektronik

Pada bulan Mac 2019, kami telah menanam pokok di kawasan pinggir bandar Kaohsiung. Sejumlah 48 pekerja dan keluarga mereka telah mengambil bahagian dan menanam sebanyak 100 pokok. Kami akan terus menjalankan aktiviti pemuliharaan biodiversiti dan menyumbang kepada mewujudkan persekitaran yang mesra kepada rakyat dan alam semula jadi untuk generasi akan datang.



Aktiviti penanaman pokok



Chen Jung Liao  
 Bahagian Perjalanan ISO

## LINTEC KOREA, INC.

Lokasi: Cheongwon, Chungcheong, Korea  
 Jumlah pekerja: 124 pekerja  
 Perniagaan Utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pada November 2018, kami telah menjalankan aktiviti sumbangan sosial bertajuk "Kimchi dan Kasih Sayang". 22 pekerja membuat kimchi buatan tangan di kafeteria syarikat dan memberikannya kepada keluarga anak yatim dan orang tua yang tinggal sendirian di pusat sokongan komuniti. Ramai pekerja dapat berkumpul dan masa itu merupakan masa yang sangat meriah dan menyenangkan.



Bersama kimchi buatan tangan



Moon Ji-Eun  
 Bahagian Pentadbiran

## LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

Lokasi: Kota Pyeongtaek, Daerah Gyeonggi, Korea Selatan  
 Jumlah pekerja: 122 pekerja  
 Perniagaan Utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Kami menyertai aktiviti pembersihan alam sekitar yang dilaksanakan secara bebas oleh syarikat serantau, dan setiap bulan kami mengadakan pembersihan. Aktiviti ini bukan sekadar menyumbang kepada pemeliharaan persekitaran rantau sekeliling, tetapi juga menyumbang kepada pengukuhan "ikatan" dengan masyarakat setempat. Ia juga menyumbang kepada peningkatan kesedaran tentang pemeliharaan alam sekitar dalam kalangan pekerja dan penduduk setempat.



Aktiviti pembersihan alam sekitar



Myung-Jin Choi  
 Bahagian Keselamatan Alam Sekitar

## PT. LINTEC INDONESIA

Lokasi: Bogor, Indonesia  
 Jumlah pekerja: 168 pekerja  
 Perniagaan Utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Pada April 2018 kami melibatkan diri dalam aktiviti menanam pokok bakau. Bersama pelajar Institut Pertanian Bogor serta penduduk tempatan, seramai 112 orang telah menanam 2,000 pokok bakau. Semua peserta dapat meningkatkan kesedaran mereka mengenai penanaman pokok dan mereka berusaha dengan bersemangat.



Aktiviti penanaman pokok



Sugiharto  
 Bahagian Jaminan Kualiti

## PT. LINTEC JAKARTA

Lokasi: Jakarta, Indonesia  
 Jumlah pekerja: 18 pekerja  
 Perniagaan Utama: Jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Pada Oktober 2018, kami mengedarkan risalah tentang pemisahan sisa dalam syarikat itu kepada semua pekerja. Di samping itu, mengikut arahan syarikat pengurusan bangunan, kami memasang tong sampah yang berasingan bagi sisa organik dan tidak organik. Kami akan terus menggalakkan aktiviti pemuliharaan alam sekitar seperti ini.



Tong sampah untuk sisa organik dan tidak organik



Affatul Khoir  
 Bahagian Hal Ehwal Am dan Sumber Manusia



## LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.

Lokasi: Pulau Pinang, Malaysia  
Jumlah pekerja: 99 pekerja  
Perniagaan Utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Kami telah menjalankan aktiviti menanam bakau di Kedah, Malaysia pada September 2018. Di samping 32 orang pekerja, 3 orang Bahagian Keselamatan Alam Sekitar syarikat kami turut mengambil bahagian, dan setelah bersusah payah di dalam kawasan berselut, kami dapat menanam sebanyak 92 pokok bakau.



Aktiviti penanaman pokok



Ong Hooi Gim  
Bahagian  
Perakaunan

## LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.

Lokasi: Sarawak, Malaysia  
Jumlah pekerja: 23 pekerja  
Perniagaan Utama: Pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pada November 2018, semua pekerja kami melawat Pusat Hidupan Liar Matang. Pelbagai haiwan termasuk orang utan dilindungi dan dijaga di sini. Selepas menerima penjelasan mengenai aktiviti pemeliharaan binatang di pejabat, kami menjalankan aktiviti pembersihan.



Gambar bersama di hadapan  
ofis Pusat Hidupan Liar  
Matang



Michael Benzi Junior  
Bahagian Hal Ehwal  
Pekerja

## LINTEC SINGAPORE PRIVATE LIMITED

Lokasi: Singapura  
Jumlah pekerja: 81 pekerja  
Perniagaan Utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran juga produk elektronik dan fiber optik

Pada Oktober 2018, sejumlah 82 orang melakukan aktiviti pembersihan pantai bersama-sama dengan LINTEC ASIA PACIFIC. Selepas membersihkan pantai selama satu jam, 58 kg sampah telah dikumpulkan. Dengan membersihkan pantai, kami dapat menyumbang kepada pemuliharaan ekosistem laut.



Aktiviti pembersihan

## LINTEC (THAILAND) CO., LTD.

Lokasi: Daerah Chachoengsao, Thailand  
Jumlah pekerja: 196 pekerja  
Perniagaan Utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetak, bahan pengeluaran dan kertas dan bahan pemproses kertas

Pada Mac 2019, kami membuat lawatan syarikat ke Pulau Ko Samet di wilayah Rayong. Semasa lawatan, kami melakukan aktiviti pembersihan pantai dan mengumpulkan 42 kg sampah seperti tali dan plastik.



Aktiviti pembersihan



Apakorn Pleansri  
Bahagian Pembangunan  
Perniagaan

## LINTEC EUROPE B.V.

Lokasi: Bandar Amstelveen, Belanda  
Jumlah pekerja: 7 pekerja  
Perniagaan Utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan cetakan, bahan pengeluaran serta produk kertas dan bahan pemrosesan

Pakaian, alat tulis, peralatan permainan, dan lain-lain telah disumbangkan ke sebuah gereja dan sekolah rendah di sebuah kampung kecil di Romania. Kami menerima e-mel ucapan terima kasih yang mengharukan daripada guru sekolah, dan kami berpuas hati dengan keputusan dan kepentingan aktiviti sokongan ini.



Sumbangan kepada gereja



Peter Olah  
Bahagian Jualan

## NANO-SCIENCE & TECHNOLOGY CENTER LINTEC OF AMERICA, INC.

Lokasi: Texas, Amerika Syarikat  
Jumlah pekerja: 32 pekerja  
Perniagaan Utama: Kajian/ Pembangunan

Mengambil bahagian dalam acara "Toys for Tots" yang dikendalikan oleh bekas tentera laut. Program ini adalah aktiviti untuk memberikan mainan yang dikumpul oleh sumbangan sebagai hadiah Krismas untuk kanak-kanak yang susah. Syarikat kami telah menyusun dan memuatkan kira-kira 540 mainan ke dalam beg dan diberikan kepada mereka.



Aktiviti memasukkan mainan  
ke dalam beg bersama  
pekerja



Marilyn Guerrero  
Penolong R&D

## MADICO, INC.

Lokasi: Florida, Amerika Syarikat  
Jumlah pekerja: 203 pekerja  
Perniagaan Utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Kami telah mengambil bahagian dan mengumpulkan dana dalam acara amal "Walk to End Alzheimer's" yang merawat Alzheimer di St. Petersburg, Florida. Dana yang dikumpulkan akan diguna untuk membantu penyelidikan perubatan penyakit Alzheimer.



Pasukan Madico yang  
mengambil bahagian dalam  
acara



Chris Layne  
Jawatankuasa CSR

## VDI, LLC

Lokasi: Kentucky, Amerika Syarikat  
Jumlah pekerja: 47 pekerja  
Perniagaan Utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Jawatankuasa CSR kami telah menetapkan matlamat untuk mengadakan aktiviti CSR setiap bulan. Pada Februari dan Mac 2019, kami telah menyumbang kepada pergerakan "Dare to Care Food Bank" yang membantu golongan miskin dengan memberi bekalan makanan, di mana kami memasukkan makanan ke dalam kotak untuk diberikan.



Kumpulan CSR yang  
menyertai acara sokongan



Toni Doughty  
Jawatankuasa CSR

## MACTAC AMERICAS, LLC

Lokasi: Ohio, Amerika Syarikat  
Jumlah pekerja: 464 pekerja  
Perniagaan Utama: Pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Kami telah mendapat peluang untuk mengadakan pelbagai aktiviti yang menyumbang kepada masyarakat setempat seperti larian marathon untuk kanak-kanak dan sebagainya. Selain itu, kami juga memberi sokongan dalam bentuk bekalan makanan dan barang kebersihan diri kepada kanak-kanak yang pernah didera dan diabaikan.



Derma kepada kanak-kanak



Ahli Jawatankuasa  
CSR

## Materialiti (isu penting)

"Materialiti" ialah pengenalpastian isu-isu yang perlu diberi perhatian oleh syarikat dalam melaksanakan pelbagai aktiviti CSR. Kumpulan LINTEC telah mengenal pasti beberapa materialiti pada 2014, tetapi sejak itu, isi kandungan yang diminta oleh pemegang kepentingan telah berubah dengan ketara. Kumpulan LINTEC telah lihat semula materialiti dan telah maju kepada Langkah 2 dalam rajah di bahagian kanan. Untuk materialiti baharu ini, perspektif daripada SDGs<sup>\*1</sup> juga dipertimbangkan, dan kami berancang untuk menggunakannya bersama indeks penilaian utama (KPI)<sup>\*2</sup>.

Proses meneliti semula materialiti

### Langkah 1

#### Pengekstrakan permintaan sosial

Mengenal pasti garis panduan dan rangka kerja antarabangsa seperti SDGs, piawaian GRI, Global Compact PBB dan ISO26000, serta membuat perbincangan mengenai tema ESG melalui organisasi penilaian ESG<sup>\*3</sup>.

Materialiti		Lingkungan sasaran (sempadan)		Keadaan yang harus ada	Usaha
		○ adalah			
		Dalam syarikat	Luar syarikat		
Pentadbiran Organisasi	Pengurusan pentadbiran global	○	○	Berusaha mengukuhkan sistem pengurusan serta memastikannya berfungsi.	Penguksuhan tadbir urus global
Alam Sekitar	Penggunaan sumber secara efektif	○	○	Berusaha mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan pematuhan terhadap undang- undang alam sekitar.	Aktiviti perolehan yang mengambil kira tentang mengurangkan kesan kepada alam sekitar, berdasarkan Polisi Asas Pemerolehan Bahan Mentah LINTEC
	Pengurangan pelepasan bahan cemar kepada atmosfera	○	○		Pengurangan pelepasan gas kepada atmosfera berdasarkan matlamat jangka masa sederhana alam sekitar
	Sumbangan daripada aspek alam sekitar melalui produk dan perkhidmatan	○	○		Pembangunan dan penyebaran produk mesra alam yang mengambil kira tentang LCA <sup>*4</sup>
	Tindak balas pematuhan aspek alam sekitar	○	○		Pengurusan dan tindak balas pematuhan dalam aspek alam sekitar berdasarkan sistem pengurusan alam sekitar
Budaya Kerja	Tindak balas terhadap keselamatan dan kebersihan kerja	○	○	Membina persekitaran tempat kerja di mana pekerja boleh bekerja dengan rasa selamat, dan memastikan keselamatan pekerja apabila berlaku kecemasan	Mematuhi sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerja, dan melaksanakan aktiviti untuk melindungi keselamatan pekerja
	Merealisasikan kepelbagaian di tempat kerja	○	-		Menghormati kepelbagaian setiap pekerja dan menyediakan tempat kerja yang baik
	Menaikkan taraf kepuashatian para pekerja	○	-		Penstrukturan persekitaran tempat kerja yang memberi motivasi kepada pekerja
Masyarakat	Pelaksanaan usaha wajar <sup>*5</sup> hak manusia	○	○	Berusaha memacu komunikasi global yang mengambil kira tentang pemegang kepentingan.	Mengambil kira tentang hak asasi manusia bagi keseluruhan rantaian bekalan dan memahami risiko
	Tindak balas terhadap pematuhan aspek kemasyarakatan	○	○		Ketelusan dan penelitian tentang pematuhan dalam syarikat
	Tindak balas terhadap pematuhan aspek produk	○	○		Pencegahan dan pengurangan kemalangan yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti barang
	Sumbangan kepada penggunaan yang lestari	○	○		Memperkenalkan dan menyebarkan keberkesanan produk yang mesra alam sekitar kepada pemegang kepentingan
	Merealisasikan simbiosis dengan komuniti serantau	○	○		Sebagai warga korporat yang baik, melaksanakan aktiviti sosial yang memberi sumbangan kepada masyarakat serantau
Sumbangan kepada aspek industri	Pembinaan model perniagaan untuk pengeluaran dalam pasaran tempatan di negara- negara membangun	○	○	Memacu model perniagaan yang mengambil kira tentang persekitaran dan masyarakat, serta berusaha mewujudkan perniagaan yang menyumbang kepada penyelesaian masalah sosial.	Pembangunan penyelidikan produk yang bertujuan untuk memberi penyelesaian dalam masalah masyarakat dan mempromosi perolehan tempatan
	Perluasan ke bidang baharu	○	○		

\*1 SDGs: → lihat halaman 06

\*2 Indeks penilaian utama (KPI): → lihat halaman 12.

\*3 ESG: → lihat halaman 07

\*4 LCA: Singkatan bagi 'Life Cycle Assessment'. Kaedah mengira jumlah tenaga, air, dan sumber yang digunakan serta CO<sub>2</sub>, dan bahan kimia toksik yang dikeluarkan sepanjang keseluruhan kitaran hidup produk, untuk menilai secara keseluruhan kesan terhadap alam sekitar.

## Langkah 2 Pelibatan dalam Syarikat (penetapan susunan keutamaan)

Perbincangan hipotesis dilakukan bersama organisasi dalam syarikat seperti penyelidikan dan pembangunan, pembangunan dan perniagaan dan lain-lain, seterusnya memilih berdasarkan tahap kepentingan.

## Langkah 3 Mengenal pasti tema yang penting

























Setelah mengenal pasti tema penting pada Langkah 1 dan 2, Presiden sebagai pembuat keputusan tertinggi akan memberi penilaian dan kelulusannya.

## Langkah 4 Penetapan semula indeks penilaian utama

Materialiti yang telah dikenal pasti akan diambil, indeks penilaian aktiviti akan dipilih dan kedua-duanya akan diimplementasikan dalam pengurusan.

\* Organisasi sasaran pencapaian nyata:

[A] LINTEC Corporation/ [B] Kumpulan LINTEC/ [C] LINTEC Corporation, TOKYO LINTEC KAKO, INC./ [D] Ibu pejabat LINTEC Corporation, 10 pusat pembuatan, pusat penyelidikan/ [E] pusat pembuatan (kecuali Ina), pusat penyelidikan LINTEC Corporation

	Indeks penilaian utama	Pencapaian nyata*	SDGs Berkaitan
	(1) Mengguna pakai khidmat perundingan dalam dan luar negara (2) Hasil daripada audit dari jabatan audit dalaman yang diperiksa dengan undang-undang setiap negara dan piawaian syarikat	(1) 4 item [B] (2) Tiada perkara ditunjukkan yang penting [B]	 
	Jumlah penggunaan pelarut organik	17.7 ribu t [A]	 
	(1) Jumlah pengeluaran CO <sub>2</sub> bagi kegiatan perniagaan dalam negeri (2) Jumlah pengeluaran VOC* bagi kegiatan perniagaan dalam negeri	(1) 179.2 ribu t [C] (2) 929.8 t [E]	  
	Bilangan pembuatan produk yang mesra alam sekitar	30 item [A]	 
	Jumlah kes pelanggaran undang-undang alam sekitar	0 item [D]	
	(1) Jumlah cuti bekerja akibat bencana kemalangan dan perburuhan (2) Tempoh masa tiada kemalangan sepenuhnya	(1) 3 item [C] (2) Kilang Azuma, TOKYO LINTEC KAKO, INC., kilang Chiba, pejabat jualan Shingu (termasuk Niihama) ...tiada bencana selama 1 tahun (C).	 
	(1) Peratusan kerja pengurusan pekerja wanita (2) Peratusan kembali bekerja selepas cuti bersalin	(1) 14% [B] (2) 100% [A]	 
	Peratusan berhenti kerja dalam tempoh 3 tahun bagi pekerja baru tamat pengajian	6.4% [A]	
	Jumlah maklum balas soal selidik dari pembekal	111 syarikat [A]	
	Kadar maklum balas soal selidik tentang pematuhan eksekutif dan pengurus syarikat	Peratusan Jawapan Kaji Selidik Penghapusan Risiko 87.4% [B] * Kerana kami telah menjalankan kaji selidik penghapusan risiko, kajian selidik pematuhan belum dilaksanakan.	
	Jumlah laporan kemalangan berkaitan produk utama	0 item [C]	
	Jumlah penyertaan dalam pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa (penilaian aktiviti)	52 kali [A]	
	(1) Jumlah penerimaan peserta dalam lawatan kilang (2) Pelaksanaan aktiviti yang memberi sumbangan kepada masyarakat	(1) 932 orang [C] (2) → lihat halaman 14 [B]	
	Penstrukturan sistem pendaftaran bahan mentah tempatan di lokasi luar negara (penilaian aktiviti)	Sedang dalam pembangunan sistem carian bagi pengurusan maklumat bahan mentah peringkat global [B]	   
	Bilangan permohonan paten (penilaian aktiviti)	397 item [A]	Sedang dikaji

\*5 Pelaksanaan usaha wajar hak manusia: Proses di mana organisasi bukan sekadar menghormati undang-undang, bahkan untuk mengelak bahaya pelanggaran hak manusia, menjalankan proses yang mengendalikan perkara demikian (ISO26000 6.3.3 Isu Berkaitan Hak Manusia 1).


\*6 VOC : → lihat halaman 15.  
Tentang tanda ★ lihat halaman 12.

# Sorotan Kewangan/ Bukan Kewangan




## Kewangan (kolektif syarikat)


### Jualan




### Keuntungan perniagaan




### Jualan bersih mengikut segmen (tahun 2018)




### Keuntungan perakaunan




### Untung bersih yang kembali kepada pemegang saham ibu syarikat




### Dividen sesaham




### Jumlah aset



### ROE<sup>1</sup>/ROA<sup>2</sup>




### Kos penyelidikan dan pembangunan




## Kakitangan


### Bilangan pekerja (kolektif syarikat)



### Kadar perolehan cuti berbayar (ibu syarikat sahaja)



### Bilangan peserta dalam setiap peringkat (ibu syarikat sahaja/Jumlah)



\* 1 ROE: Singkatan untuk Return on Equity (kadar pulangan ekuiti). Indeks kewangan untuk menilai berapa banyak keuntungan yang terhasil daripada ekuiti.


\* 2 ROA: Singkatan untuk Return on Assets (kadar pulangan keseluruhan aset). Indeks kewangan untuk menilai berapa banyak keuntungan yang terhasil daripada seluruh aset.



## Alam Sekitar


### Jumlah penggunaan tenaga (setara minyak mentah)

Lingkungan sasaran: Kumpulan LINTEC dalam negara<sup>\*3</sup>




### Jumlah penggunaan air pengairan

Lingkungan sasaran: kilang Kumagaya, kilang Mishima




### Jumlah pengeluaran gas CO<sub>2</sub>

Lingkungan sasaran: syarikat LINTEC Corporation, 10 pusat pengeluaran<sup>\*4</sup>, pusat penyelidikan, TOKYO LINTEC KAKO, INC.



### Jumlah penjeanaan sisa

Lingkungan sasaran: syarikat LINTEC Corporation, 10 pusat pengeluaran, pusat penyelidikan, TOKYO LINTEC KAKO, INC.




\*3 Kumpulan LINTEC dalam negara: lihat halaman 15 \*4 10 pusat pengeluaran: rujuk halaman 4

### Data alam sekitar bagi 15 syarikat kumpulan di luar negara

Tahun 2018 (tempoh kiraan: 1 Januari hingga 31 Disember 2018)

Tahun 2017 (tempoh kiraan: 1 Januari hingga 31 Disember 2017)




Peringatan! 1. VOC (sebatian organik mudah meruap) termasuklah toluena, metil ethil keton. 2. Nilai haba yang terhasil bagi setiap bahan api dalam pengiraan jumlah penggunaan bahan api (COE) adalah menggunakan nilai yang telah ditetapkan dalam perkara 4 Undang-undang Penguatkuasaan Perijinan Tenaga. 3. LSFT: LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC. LAT-T: LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC. LSFK: LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC. LE (UK): LINTEC EUROPE (UK) LIMITED

\*5 VOC: → lihat halaman 15.




## Masyarakat (ibu syarikat sahaja)

### Kos sokongan masyarakat



### Peratusan menjawab soal selidik klien perolehan CSR

Bilangan permintaan 112 syarikat  
Peratusan jawapan 99.1%



## Pendapat Pihak Ketiga

Saya menulis pendapat pihak ketiga sebagai kesinambungan dari tahun lepas dan tahun sebelum itu. LINTEC Corporation, yang merupakan syarikat global di mana pekerja luar negaranya merangkumi 40% daripada semua pekerja, merealisasikan moto syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti" bukan setakat di Jepun tetapi juga di luar negara. LINTEC juga berusaha untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai sebahagian daripada masyarakat di kawasan perniagaan, dengan semangat untuk bantu menyelesaikan isu yang dihadapi penduduk tempatan. Semangat tinggi itu dapat dilihat pada aktiviti penanaman pokok bakau yang dilaporkan di "Rencana 1".

Pada permulaannya, LINTEC melibatkan diri dalam 'Bulan Hijau' yang telah ditetapkan oleh kerajaan Indonesia sejak tahun 2013 dan memulakan aktiviti menyumbang kepada masyarakat tempatan. Tetapi, aktiviti-aktiviti tersebut bersifat pasif, jadi untuk menyesuaikan aktiviti dengan semangat "ingin membantu negara ini seperti orang Indonesia" LINTEC, dari 2016 aktiviti menanam pokok bakau dimulakan. Aktiviti penanaman ini sudah masuk tahun keempatnya dan memainkan peranan berterusan sebagai aktiviti membantu rantau. Saya rasakan aktiviti ini yang merealisasikan moto syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti" wajar diberi penilaian yang bagus.

Pertama sekali, di Indonesia, walaupun ia merupakan negara yang mempunyai kawasan paya bakau terbesar di dunia, keluasan paya bakau berkurangan tahun demi tahun, dan ini menyebabkan pelbagai spesies haiwan terancam, berlakunya banjir di sesetengah kawasan serta menyukarkan kehidupan rakyat Indonesia, oleh itu isu ini merupakan masalah yang besar. Di situ, LINTEC cuba menghulurkan bantuan, dan dengan kerjasama serta sokongan daripada pelbagai pihak dan pemegang kepentingan seperti Institut Pertanian Bogor, pemilik tanah dan penduduk setempat, sedang meneruskan kegiatan baik pulih. Selain itu, bukan "sekadar tanam dan lupakan", tetapi supaya pokok bakau dapat tumbuh dengan sihat, setiap 3 bulan LINTEC juga melaksanakan pemerhatian pertumbuhan, menanam semula benih yang hampir tenggelam dalam air, memasang pagar dan sebagainya. Di samping itu, pencapaian aktiviti ini bukan sahaja dilihat pada jumlah pokok yang ditanam atau jumlah peserta,

tetapi jumlah gas CO<sub>2</sub> yang diserap pokok bakau juga menjadi pencapaian objektif yang boleh dibanggakan. Kemampuan untuk memikul tanggungjawab dan meneruskan usaha dalam menyelesaikan masalah masyarakat ini menjadi contoh baik potensi LINTEC untuk masa hadapan yang saya rasa cukup bagus. Saya menantikan prestasi yang baik juga untuk masa hadapan.

Saya mempunyai satu cadangan untuk meningkatkan daya saing syarikat di peringkat global. Pada tahun lepas, pusat pengurusan pusat ASEAN dan India di Singapura telah bertambah, dan kini LINTEC merupakan syarikat global yang sedang membangun secara pesat dan mempunyai pekerja luar negara melebihi 2,200 orang. Di situ, saya ingin mencadangkan supaya pendedahan maklumat mengenai kegiatan LINTEC di pusat luar negara ditingkatkan. Maklumat mengenai penggunaan tenaga elektrik, pengeluaran gas VOC dan sebagainya di setiap pusat mudah didapati, dan ini boleh dikatakan sebagai kejayaan LINTEC berkomunikasi dengan pusat-pusatnya. Tetapi, maklumat mengenai latihan lapisan, jumlah pekerja yang ambil cuti berbayar serta maklumat lain mengenai pekerja hanya meliputi pekerja dalam Jepun. Maklumat sebegini adalah sangat penting dalam mengasuh serta memelihara sumber manusia dan untuk meningkatkan tahap daya saing syarikat. Di luar negara iaitu perkara yang "tidak disebut" boleh disalah fahami sebagai perkara yang "tidak dilakukan". Oleh itu, jika syarikat mengadakan apa-apa aktiviti, maklumat mengenainya haruslah didedahkan untuk semua. Walaupun komunikasi dengan pusat luar negara bukanlah perkara yang senang, saya berpendapat bahawa LINTEC boleh bermula daripada perkara yang mudah dilakukan. Jadi sila pertimbangkan semula kebolehan syarikat untuk memulakan pendedahan maklumat sumber manusia di luar negara juga.



**Puan Makiko Akabane**  
Wakil Jepun CSR Asia

## Respons kepada Pendapat Pihak Ketiga

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Akabane yang memberikan penilaian baik mengenai penanaman pokok bakau oleh cawangan Indonesia dan penduduk setempat selari dengan moto syarikat iaitu "Keikhlasan dan Kreativiti". Tahun ini adalah tahun keempat acara tersebut. Bilangan peserta makin bertambah, dan sedikit demi sedikit aktiviti

ia bermula berubah menjadi acara tempatan di sana. Kami berancang untuk meluaskan skop aktiviti dan bekerjasama dengan ramai orang lain. Mengenai data pekerja yang berada di Jepun, kami akan berusaha untuk meningkatkan kualiti komunikasi dan pendedahan maklumat dengan pusat luar negara.

Kami menerima pendapat yang diberikan kali ini dengan serius, dan kami akan memacu perkembangan kegiatan CSR untuk mejadi syarikat yang menyumbang kepada realisasi pemabangunan mampan.

**Hiroyuki Nishio**

Pengarah Wakil, Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi

## Nota Editor

Untuk rencana kali ini, kami telah bercerita mengenai penanaman pokok bakau oleh PT. LINTEC INDONESIA. Melalui aktiviti bersama penduduk tempatan ini, mereka dapat menunjukkan peranan sebagai pihak yang menyumbang dan membantu dalam memperbaiki keadaan alam sekitar dan juga kehidupan masyarakat.

Selain itu, walaupun jawatankuasa SDGs baru dimulakan, kami akan terus berusaha dan mencabar diri kami untuk menyelesaikan isu masyarakat melalui perniagaan. Supaya konsep SDGs diterapkan dalam

syarikat kami juga, kami akan melaksanakan program seperti e-Learning, surat khabar dinding dan sebagainya untuk menyampaikan mengenai aktiviti jawatankuasa, di samping mendengar pendapat dan idea daripada pekerja lain bagi menggalakkan komunikasi dua hala.

Demi kemajuan kumpulan syarikat kami serta masyarakat, kami berazam supaya semua pekerja kami mampu berfikir dan bertindak dengan iniatif sendiri dan mengorak langkah secara bersatu.



"Laporan CSR Kumpulan LINTEC 2019" Ahli-ahli projek pengeluaran